



PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Family Drive. Be sure to also read the general terms and conditions.

AIA General Berhad

**FAMILY DRIVE –
ENHANCED PRIVATE CAR
INSURANCE**

Date: 3-FEB-2020

1. What is this product about?

Family Drive is an enhanced comprehensive motor insurance for your private vehicle against liabilities to other parties for bodily injury or death, damage to other parties' property, and accidental or fire damage to your vehicle or theft of your vehicle.

In addition to cover for the insured, this policy also covers the insured's authorised driver and passengers against bodily injury, death or disablement due to road accident, while driving or riding, boarding or alighting from the vehicle named in the policy.

2. What are the covers/benefits provided?

The benefits provided under this policy are as follows:

- (i) Loss or damage to insured vehicle due to accident, fire or theft;
- (ii) Legal liability of the insured and/or authorised driver for third party's injury, death and property loss or damage;
- (iii) Legal liability to passengers and of passengers;
- (iv) Personal accident protection for the insured, authorised drivers and passengers, with the following benefits:
 - Accidental Death and Permanent Disablement Benefit, up to RM 25,000; and
 - Double Indemnity for National Public Holiday, RM 25,000 (for accidental death only);
- (v) Inconvenience allowance for RM 600 per accident; and
- (vi) Automatically covers all authorised drivers.

Optional benefits that you may wish to purchase by paying additional premium:

- (i) Windscreen damage;
- (ii) Damage arising from flood and landslide (Special Perils);
- (iii) Strike, riot and civil commotion;
- (iv) Waiver of betterment cost;
- (v) Agreed value basis; and
- (vi) Compensation for Assessed Repair Time (CART).

Duration of cover is for one year. You need to renew the insurance cover annually.

Note: For the personal accident protection, the amount of benefit stated above is for each person covered under the policy. Please refer to the schedule of indemnities for Accidental Death and Permanent Disablement Benefit in the policy contract.

3. What are the differences between Family Drive and the existing Comprehensive Private Car Cover policy?

Basic Coverage	Family Drive	Comprehensive Private Car Cover
Loss or damage to the insured car	√	√
Liability to third party	√	√
Legal liability of passengers for negligent acts	√	√ (Optional)
Legal liability to passengers	√	√ (Optional)

Personal accident protection for the driver and passengers	√	×
Inconvenience allowance	√	×
Automatically covers for all authorised drivers	√	×

4. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the No-Claim-Discount (NCD) entitlement and our underwriting requirements such as but not limited to, age of vehicle and claims experience.

The Sum Insured is based on the current market value of the vehicle based on reference to ISM-ABI system (Automobile Business Intelligence).

For example:

Coverage	Annual Premium (RM)
(i) Standard cover:	
Sum Insured of RM 90,000	: 3,279.92
Less: NCD Entitlement (55%)	: 1,803.96
Sub-total (i)	: 1,475.96
(ii) Additional cover:	
Breakage of windscreen (Sum Insured of RM 1,000)	: 150.00
Special Perils	: 405.00
Sub-total (ii)	: 555.00
Gross Premium (i) + (ii)	: 2,030.96
Less: Family Discount (5%)	101.55
Sub-total	: 1,929.41
Less: Discount for Direct Purchase (10%)	: 192.94
Applicable Government Tax (6%)	: 104.19
Stamp Duty	: 10.00
Total	: 1,850.66

Example for premium comparison:

Vehicle Details					Premium (RM)	
Make and Model	Year Make	Cubic Capacity	Sum Insured (RM)	NCD (%)	Family Drive	Comprehensive Private Car Cover (including optional cover legal liability to passengers and of passengers)
Honda HRV	2018	1799	90,000	25%	2,396.81	2,146.66
Honda Civic	2017	1799	80,000	38%	1,766.35	1,582.12
Toyota Camry	2016	2494	99,000	45%	1,830.96	1,672.61
BMW X5	2014	2979	165,000	55%	2,309.77	2,193.70
Mercedes C180	2013	1796	90,000	55%	1,347.66	1,299.60

Note:

- Cash Before Cover** – Premiums must be paid before the motor insurance cover note or policy can be issued. The policy will take effect after the premium due has been paid.
- Mode of Payment** – Payment can be made by cash, credit card or through our approved internet banking facility. We encourage our customers to make payment electronically using our approved cashless payment methods as a secure alternative to cash payments.
- Official Receipt** – Always insist for an official receipt for the premium paid and keep it as proof of your premium payment.

- (d) **Family Discount** applies to the Gross Premium payable, upon the purchase or renewal of the policy, provided that you or your family member in the same household currently owns another Family Drive policy, which is still active at the time of purchase or renewal of the policy. Family Discount is applicable to a maximum of 4 vehicles per household.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
Commission paid to the insurance agent	: 10% of premiums paid
Stamp Duty	: RM 10.00
Applicable Government Tax	: 6% of premiums paid

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- (a) **Important of Disclosure** – You must disclose all material facts such as previous accidents and modification to engines. If you fail to do so, we may refuse your claim or any claim made by a third party against you. In such cases, you are personally liable for those claims.

Consumer Insurance Contract – Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal/Application Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal/Application Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal/Application Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- (b) **Insured Value / Sum Insured** – You must ensure that your vehicle is adequately insured.
- New vehicle: Sum Insured = purchase price.
 - Others: Sum Insured = market value of vehicle when policy is bought.

Over-insurance – If the Sum Insured for your vehicle is higher than market value, the maximum compensation is only the market value of the vehicle at the time of loss. If you over-insure your vehicle, you would have paid higher and unnecessary premiums.

Under-insurance – If the Sum Insured for your vehicle is lower than the market value. You are deemed as self-insuring the difference between the Sum Insured and market value of your vehicle. In the event of a loss, you will have to bear the self-insured portion out of the total claim amount.

- (c) **Excess** – A compulsory excess of RM400 is payable by you if your vehicle is driven by a person under the age of 21 or who holds a Provisional (P) or Learner (L) driver's license.
- (d) **Betterment** – This applies when in the course of repairing an accident damaged vehicle (age of vehicle is 5 years and above), an old part is replaced with a new original part. You will have to bear a proportion of the cost of such new original parts (depending on the age of your vehicle) as a result of your repaired vehicle is in a better condition than it was before the accident.
- (e) **Accident and Claims Procedure** – You should obtain details of the accident such as the vehicles involved, lodge a police report within 24 hours of the accident, notify us immediately and submit the claims form with complete supporting documents.

You are advised to deal only with PIAM Approved Repairers Scheme (PARS) Workshop. If your vehicle is sent to a workshop which is not authorised by us, assessment on the damage of your vehicle from an insurance loss adjuster is required before authorising the repairs.

If your vehicle is damaged, you may either make an Own Damage Claim or Third Party Claim:

- **Own Damage Claim** – Making a claim against your own motor insurance policy. However, you will lose your NCD entitlement.
- **Third Party Claim** – If you are not at fault in the accident, you can submit the claim either directly to the insurance company of the party at fault, or to us under Own Damage Knock-For-Knock claim, without losing your NCD entitlement. You are encouraged to submit your claim to us for speedier claims processing. You are eligible to claim from the third party insurance company for CART and compensation of excess. For the actual repair time of your vehicle, this is based on the adjuster's recommendation on the number of days required for your car to be repaired.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the terms and conditions of this policy.

7. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover certain losses, such as:

- (a) Loss, damage or liability arising from an act of nature, i.e. flood, storm or landslide;
- (b) Your vehicle left unattended after an accident, breakdown or not fit to be driven on the road; and/or
- (c) Consequential loss, depreciation, wear and tear, mechanical or electrical breakdown failures or breakages.

Note: The list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full exclusions under this policy.

8. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a partial refund of the premium based on short-period rates. There will not be any refund of premium if the insured vehicle has insured for more than 8 months. Refund of premium is allowed provided no claim has arisen during the period of insurance.

Please refer to the short-period rates in the policy contract.

9. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

It is important that you inform us of any change in your life profile including your occupation and personal pursuits which would affect the risk profile.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about motor insurance, please refer to the insuranceinfo booklet on "Motor Insurance", available at all our branches or you can obtain a copy from your insurance agent or visit www.insuranceinfo.com.my.

If you have any enquiries, please contact us at:

AIA General Berhad
Menara AIA,
99 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 88 1899
Fax: 03 - 2056 2591
E-mail: MY.GI-Ops@aia.com

11. Other similar types of cover available.

Please contact us/your agent/intermediary for other similar types of plans that we offer.

IMPORTANT NOTE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR VEHICLE IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT AS IT WILL AFFECT THE AMOUNT YOU CAN CLAIM. IN THE EVENT OF AN ACCIDENT, YOU ARE ADVISED TO DEAL WITH APPROVED WORKSHOPS. IF YOU HAVE A COMPREHENSIVE COVER AND YOU ARE NOT AT FAULT, YOU ARE ADVISED TO SUBMIT YOUR CLAIM TO YOUR INSURANCE COMPANY. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

THIS PRODUCT DISCLOSURE SHEET CONTAINS A SUMMARY OF THE PRODUCT AND IS NOT A CONTRACT OF INSURANCE. THE POLICY CONTRACT SHALL PREVAIL OVER THIS DOCUMENT.

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at 3-FEB-2020.



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Family Drive. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

AIA General Berhad

**FAMILY DRIVE –
INSURANS KENDERAAN
PERSENDIRIAN
DIPERTINGKAT**

Tarikh: 3-FEB-2020

1. Apakah Produk ini?

Family Drive adalah insurans kenderaan persendirian komprehensif yang dipertingkatkan untuk menyediakan perlindungan bagi kenderaan persendirian anda terhadap liability kepada pihak ketiga untuk kecederaan badan atau kematian, kerosakan harta benda pihak ketiga, dan kemalangan, kebakaran atau kecurian pada kenderaan anda.

Selain daripada perlindungan untuk orang diinsuranskan, polisi ini juga menyediakan perlindungan bagi pemandu dibenarkan dan penumpang untuk kecederaan badan, kematian atau kehilangan upaya akibat kemalangan jalan raya, ketika memandu atau menunggang, menaiki atau menuruni dari kenderaan yang dinamakan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini menyediakan manfaat-manfaat seperti berikut:

- (i) Kerugian atau kerosakan pada kenderaan yang diinsuranskan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian;
- (ii) Liabiliti bagi anda atau pemandu dibenarkan terhadap kecederaan, kematian dan kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga;
- (iii) Liabiliti terhadap penumpang dan daripada penumpang;
- (iv) Perlindungan kemalangan diri untuk orang diinsuranskan, pemandu dibenarkan dan penumpang, dengan manfaat berikut:
 - Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan, sehingga RM 25,000; dan
 - Indemniti Berganda bagi Cuti Umum Kebangsaan, RM 25,000 (bagi kematian akibat kemalangan sahaja);
- (v) Elaun kesulitan sebanyak RM 600 bagi setiap kemalangan; dan
- (vi) Perlindungan secara automatik bagi semua pemandu dibenarkan.

Pilihan manfaat tambahan yang anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

- (i) Kerosakan cermin kenderaan;
- (ii) Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh (Bencana Khas);
- (iii) Mogok, rusuhan dan kekecohan awam;
- (iv) Pengecualian kos penambahbaikan;
- (v) Asas nilai dipersetujui; dan
- (vi) Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans tersebut setiap tahun.

Nota: Untuk perlindungan kemalangan diri, jumlah manfaat yang dinyatakan di atas adalah untuk setiap individu yang diinsuranskan di bawah polisi. Sila rujuk kepada jadual tanggung rugi dalam kontrak polisi untuk Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan.

3. Apakah perbezaan di antara Family Drive dan Polisi Kereta Persendirian Komprehensif yang sedia ada?

Perlindungan Asas	Family Drive	Polisi Kereta Persendirian Komprehensif
Kerugian atau kerosakan pada kenderaan yang diinsuranskan	√	√
Liabiliti terhadap pihak ketiga	√	√
Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai	√	√ (Opsyenal)
Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang	√	√ (Opsyenal)
Perlindungan kemalangan diri bagi pemandu dan penumpang	√	×
Elaun kesulitan	√	×
Perlindungan automatic untuk semua pemandu	√	×

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan ("No-Claim-Discount" (NCD)) dan keperluan pengunderaitan kami seperti tetapi tidak terhad kepada, usia kenderaan dan pengalaman tuntutan.

Jumlah Diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan tersebut berdasarkan rujukan kepada sistem ISM-ABI (Automobile Business Intelligence).

Sebagai contoh:

Perlindungan	Premium Tahunan (RM)
(i) Perlindungan standard:	
Jumlah Diinsuranskan RM 90,000	: 3,279.92
Kurang: Kelayakan NCD (55%)	: 1,803.96
Jumlah Kecil (i)	: 1,475.96
(ii) Perlindungan tambahan:	
Kerosakan cermin kenderaan (Jumlah Diinsuranskan RM 1,000)	: 150.00
Bencana khas	: 405.00
Jumlah Kecil (ii)	: 555.00
Premium Kasar (i) + (ii)	: 2,030.96
Kurang: Diskaun Keluarga (5%)	101.55
Jumlah Kecil	: 1,929.41
Kurang: Diskaun untuk Pembelian Terus (10%)	: 192.94
Cukai Kerajaan yang Berkenaan (6%)	: 104.19
Duti Setem	: 10.00
Jumlah	: 1,850.66

Contoh perbandingan premium:

Butiran Kenderaan					Premium (RM)	
Buatan & Model	Tahun Pembuatan	Kuasa Kubik	Jumlah Diinsuranskan (RM)	NCD (%)	Family Drive	Polisi Kereta Persendirian Komprehensif (termasuk pilihan tambahan liabiliti terhadap penumpang dan daripada penumpang)
Honda HRV	2018	1799	90,000	25%	2,396.81	2,146.66
Honda Civic	2017	1799	80,000	38%	1,766.35	1,582.12
Toyota Camry	2016	2494	99,000	45%	1,830.96	1,672.61

BMW X5	2014	2979	165,000	55%	2,309.77	2,193.70
Mercedes C180	2013	1796	90,000	55%	1,347.66	1,299.60

Nota:

- (a) **Tunai Sebelum Perlindungan** – Premium mesti dibayar sebelum nota perlindungan insurans motor atau polisi dikeluarkan. Polisi tersebut akan berkuatkuasa selepas premium terhutang telah dibayar.
- (b) **Cara Pembayaran** – Pembayaran boleh dibuat melalui tunai, kad kredit atau melalui kemudahan perbankan internet yang diluluskan oleh kami. Kami menggalakkan pelanggan kami untuk membuat bayaran secara elektronik dengan menggunakan cara pembayaran tanpa tunai yang diluluskan sebagai alternatif yang selamat selain daripada bayaran tunai.
- (c) **Resit Rasmi** – Sentiasa berkeras untuk meminta resit rasmi selepas pembayaran premium dan menyimpannya sebagai bukti bayaran premium anda.
- (d) **Diskaun Keluarga** dikenakan kepada Premium Kasar, apabila pembelian atau pembaharuan polisi, dengan syarat bahawa anda atau ahli keluarga anda yang tinggal bersama memiliki polisi Family Drive yang berkuatkuasa apabila pembelian atau pembaharuan polisi tersebut. Diskaun ini adalah tertakluk kepada maksimum 4 kenderaan bagi setiap rumah.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	: 10% daripada premium yang dibayar
Duti Setem	: RM 10.00
Cukai Kerajaan yang Berkenaan	: 6% daripada premium yang dibayar

6. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?

- (a) **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti kemalangan dahulu dan sebarang pengubahsuaian pada enjin. Sekiranya anda gagal berbuat demikian, kami mungkin akan menolak tuntutan anda atau sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap anda. Dalam kes itu, anda perlu bertanggungjawab ke atas tuntutan itu secara peribadi.

Kontrak Insurans Pengguna – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

- (b) **Nilai Diinsuranskan / Jumlah Diinsuranskan** – Anda mesti memastikan kenderaan anda diinsuranskan dengan amaun yang sewajarnya.
- Kenderaan baru: Jumlah Diinsuranskan = harga belian.
 - Yang lain: Jumlah Diinsuranskan = nilai pasaran kenderaan anda pada masa anda membeli polisi ini

Insurans Terlebih – Jika Jumlah Diinsuranskan untuk kenderaan anda adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran, maksimum pampasan adalah nilai pasaran kenderaan anda pada masa kerugian sahaja. Jika anda menginsuranskan kenderaan anda berlebihan, anda perlu membayar premium yang lebih tinggi dan yang tidak perlu.

Insurans Terkurang – Jika Jumlah Diinsuranskan untuk kenderaan anda adalah lebih rendah daripada nilai pasaran, perbezaan antara Jumlah Diinsuranskan dan nilai pasaran kenderaan anda adalah diinsuranskan sendiri dan akan ditanggung oleh anda. Sekiranya berlaku kerugian, anda perlu menanggung bahagian yang diinsuranskan sendiri daripada jumlah amaun tuntutan.

- (c) **Ekses** – Anda perlu membayar ekses wajib sebanyak RM400 sekiranya kenderaan anda dipandu oleh orang yang berumur di bawah 21 tahun atau pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L).
- (d) **Penambahbaikan (“Betterment”)** – Ini berlaku semasa dalam pembaikan kenderaan anda yang rosak (umur kenderaan adalah lima tahun dan ke atas), alat lama digantikan dengan alat ganti asli. Anda perlu menanggung sebahagian kos alat ganti asli tersebut (bergantung pada umur kenderaan anda) ini menyebabkan kenderaan anda berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kemalangan berlaku
- (e) **Kemalangan dan Prosedur Tuntutan** – Anda perlu mendapatkan maklumat terperinci mengenai kemalangan seperti kenderaan yang terlibat, membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan, memaklumkan kami dengan segera dan menyerahkan borang tuntutan dengan dokumen sokongan yang lengkap.

Anda dinasihati supaya berurusan dengan bengkel-bengkel di bawah Skim Bengkel Pembaik Motor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (yang dikenali sebagai PIAM Approved Repairers Scheme (PARS)). Jika kenderaan anda dihantar ke bengkel yang tidak diluluskan oleh kami, penilaian atas kerosakan kenderaan anda harus dijalankan oleh “loss adjuster” sebelum meluluskan pembaikan tersebut.

Untuk kerosakan kenderaan anda, sama ada anda boleh membuat Tuntutan Kerosakan Sendiri atau Tuntutan Pihak Ketiga:

- **Tuntutan Kerosakan Sendiri** – Membuat tuntutan terhadap polisi insurans kenderaan anda sendiri. Bagaimanapun, anda akan hilang kelayakan NCD anda.
- **Tuntutan Pihak Ketiga** – Jika anda tidak bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh menyerahkan tuntutan tersebut sama ada secara terus kepada syarikat insurans pihak yang bersalah, atau kepada kami di bawah tuntutan Kerosakan Sendiri "Knock-for-Knock" tanpa menjejaskan kelayakan NCD anda. Anda digalakkan menyerahkan tuntutan kepada kami bagi pemprosesan tuntutan yang lebih pantas. Anda berhak untuk menuntut kepada syarikat insurans pihak ketiga bagi Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (“Compensation for Assessed Repair Time” (CART)) dan pampasan bagi ekses. Bagi tempoh pembaikan kenderaan anda, ia adalah berasaskan kepada pada jumlah hari yang diperlukan untuk membaiki kenderaan anda dan dianggarkan oleh ajuster.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- (a) Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada alam semulajadi, seperti banjir, ribut atau tanah runtuh;
- (b) Kenderaan anda ditinggalkan tanpa penjagaan selepas kemalangan, kerosakan atau tidak sesuai untuk dipandu di jalan raya; dan/atau
- (c) Kerugian turutan, susut nilai, karat dan hakisan, kegagalan atau kerosakan mekanikal atau elektrik.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik sebahagian daripada premium berdasarkan kepada kadar jangka pendek. Bayaran balik premium tidak akan diberikan jika kenderaan yang diinsuranskan tidak diinsuranskan lebih daripada 8 bulan. Bayaran balik premium dibenarkan dengan syarat bahawa tiada tuntutan yang dilakukan sepanjang tempoh insurans.

Sila merujuk kepada kadar jangka pendek di dalam kontrak polisi.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan / peribadi saya bertukar?

Ini adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan pada profil hidup anda termasuk pekerjaan anda dan matlamat peribadi yang akan mempengaruhi profil risiko.

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Hendak anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans motor, sila rujuk kepada buku "insuranceinfo" on "Insurans Motor", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans anda atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIA General Berhad

Menara AIA,

99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 1899

Fax: 03 - 2056 2591

E-mel: MY.GI-Ops@aia.com

11. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada.

Sila hubungi kami/ejen anda/perantara untuk jenis perlindungan lain yang sama kami tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN AMAUN YANG SEWAJARNYA KERANA IA AKAN MEMPENGARUHI AMAUN YANG ANDA BOLEH TUNTUT. JIKA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSKAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN TENTANG PRODUCT DAN BUKAN SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI HENDAKLAH MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 3-FEB-2020.